



Headline: Pesara rugi lebih RM44,000 terperdaya

Language: Malay

'Macau Scam'

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Tempatan

Date: 10 April 2020

Page: 2

Pesara rugi lebih RM44,000 terperdaya 'Macau Scam'

SIBU: Seorang lelaki yang juga merupakan pesara berusia 64 tahun yang menjadi mangsa 'Macau Scam' mengalami kerugian lebih kurang RM44,000.

Ketua Polis Daerah Sibu, ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, pengadu telah menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai 'Inspektor Yong' dari IPD Kota Kinabalu.

"Suspek memaklumkan pengadu bahawa kad pengenalannya telah digunakan untuk mengirim bungkusan berisi dadah dari Kota Kinabalu ke Kuantan dan juga digunakan dalam jenayah pengubahan wang haram," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Selepas itu, talian disambung kepada seorang lagi 'pegawai polis' yang memberitahunya

bahawa kad pengenalannya juga digunakan seorang pengedar dadah yang telah ditangkap di Kota Kinabalu.

Katanya, pegawai polis itu telah menjelaskan kepada pengadu untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan syarat pengadu perlu membayar sejumlah wang ke satu akaun bank.

Tanpa ragu, pengadu telah membuat 18 kali transaksi pemindahan wang yang keseluruhannya berjumlah RM44,025 ke dalam akaun yang diberikan pada 7 dan 8 April ini.

Pengadu hanya tersedar dirinya telah menjadi mangsa tipu selepas bertanya kepada pihak bank sebelum membuat laporan polis semalam.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," kata Stanley.